

Nama Suratkhbar : Utusan Malaysia (Segmen Dalam Negeri)

Tarikh: 5 Mei 2015 (Selasa)

Mukasurat : 14

Sultan-sultan Perak keturunan Raja Iskandar Zulkarnain

IPOH 4 Mei - Berbeza dengan beberapa versi penerbitan sebelum ini, *Hikayat Misa Melayu* yang dilancarkan oleh Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena pertabalan Sultan Perak Ke-35 hari ini menceritakan susur galur kesultanan Perak yang berasal daripada Kesultanan Melayu Melaka.

Pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Jelani Harun berkata, *Hikayat Misa Melayu* tersebut diterbitkan dengan naskhah salinan asal tulisan jawi yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Cambridge, United Kingdom, justeru merupakan sumber bertulis penting kerana tidak banyak ditulis oleh waris kesultanan Perak pada kurun ke-18.

"Versi-versi sedia ada memetik kesultanan Perak bermula daripada Sultan Perak Ke-10, Sultan Mudzaffar Shah II dan tidak menyebut mengenai sultan pertama sehingga kesembilan. Sedangkan versi ini ada mengatakan pengenalan bahawa raja-raja Perak ini berasal daripada Raja Iskandar Zulkarnain dari Melaka, jadi agak istimewa dari sudut itu.

"Selain itu, versi ini juga merupakan satu-satunya menceritakan mengenai kewujudan jam besar negeri Perak di Kuala Kangsar. Lima versi lain Misa Melayu yang terdapat ketika ini disimpan di Royal Asiatic Society, London; School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti of London; Universiti Leiden di Belanda; Perpustakaan Nasional Republik Indonesia di Jakarta dan Perpustakaan Negara

Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran Pameran Koleksi Gambar, Setem Hari Pertama dan *Hikayat Misa Melayu* yang disempurnakan oleh Sultan Nazrin di Dewan Bandaran Ipoh hari ini.

Jelani, yang berasal dari Bagan Datoh, Perak, mengkaji *Hikayat Misa Melayu* yang ditulis oleh Raja Muda Perak, Raja Chulan Raja Hamid pada tahun 1784 dan tersimpan kemas dalam naskhah asal berjilid keras di Universiti Cambridge, sejak 2012.

Manuskrip berkenaan merupakan pemberian Sultan Idris Murshidul 'Azam Shah kepada R.J. Wilkinson yang kemudiannya diserahkan kepada Universiti Cambridge pada 1910.

Sementara itu, Felo Kanan Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali berkata, Misa Melayu bukan sahaja menceritakan sejarah kesultanan Perak, malah termasuk adat dan istiadat seperti adat meminang dan perkahwinan.

"Saya masih ingat ada seorang pengarang Barat namanya Barbara Watson Andaya, beliau merupakan seorang pengkaji Perak dan menulis buku *History of Perak, the Abode of Grace*.

"Beliau menyatakan sekiranya ingin melihat maklumat tempatan mengenai Perak yang terbaik adalah Misa Melayu pada zaman kurun ke-18. Namun, sekiranya ingin mengetahui tentang catatan luar mengenai Perak adalah Syarikat Hindia Timur Belanda," katanya.

Utusan Melayu
(Dalam Negeri)
5/5/15
ms 14